

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 25 AUG

## KOLABORASI USM-MEICHEN TINGKAT KEPAKARAN PERGIGIAN

KUBANG KERIAN, 25 Ogos 2016 – Universiti Sains Malaysia (USM) yang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Meichen Quanmin (Shandong) Hospital Investment Co. Ltd. (MEICHEN), China pada 12 Februari 2016 telah mula menampilkan hasil bermula dengan MEICHEN menghantar tiga orang pegawai pergigian untuk menjalani latihan di Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG) selama tiga bulan baru-baru ini.

Penyelaras Alumni dan Jaringan, PPSG Profesor Azizah Yusof berkata, MEICHEN memandangi tinggi kepakaran bidang pergigian yang ada di USM dan melalui kerjasama jangka panjang ini, kedua-dua belah pihak berpeluang mendapat latihan kepakaran daripada pakar-pakar serta menggunakan peralatan-peralatan canggih yang terdapat di hospital pergigian MEICHEN.

Baru-baru ini pula USM diberi penghargaan menghadiri Majlis Perasmian Weihai Meichan Dental Hospital sebagai hospital pengajar di sana.

Azizah yang mewakili Dekan PPSG merasa amat berbangga apabila nama PPSG dan USM terpampang semasa upacara perasmian.

“USM akan menghantar pakar-pakar pelbagai bidang pergigian yang ada di PPSG seperti Prostodontik, Pergigian Pediatrik, Periodontik bagi membantu pihak MEICHEN dalam meningkatkan kemahiran doktor pergigian di sana dengan segala perbelanjaan adalah di bawah tanggungan mereka,” tambah beliau.

Yang turut hadir majlis perasmian Hospital Pengajar tersebut adalah Mantan Dekan PPSG selaku Pensyarah Kunjungan iaitu Profesor Dato’ Dr Ab. Rani Samsudin, Gabenor Wilayah Weihai, Pengarah Kesihatan Weihai serta Dekan-dekan Fakulti Pergigian di China.

Teks: Lailatul Hafiza Abdul Rashid

Foto: Profesor Azizah Yusof/Muhamad Amin Syafiq Sakri



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015